

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH
KAWASAN : IPOH TIMOR

SOALAN NO. 513

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan rancangan Kementerian untuk membaik pulih lampu-lampu jalan Persekutuan di bawah penyelenggaraan JKR di seluruh Bandaraya Ipoh yang telah rosak sekian lama dan terabai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat **dua (2)** agensi yang terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat di seluruh Bandaraya Ipoh iaitu Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Kementerian Kerja Raya. Majlis Bandaraya Ipoh bertanggungjawab untuk menyenggara kerosakan lampu jalan dan lampu isyarat yang terletak di Jalan Bandaran. Manakala bagi kerosakan lampu jalan dan lampu isyarat di Jalan Persekutuan adalah disenggara oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia melalui peruntukan tahunan yang diterima daripada Kementerian Kerja Raya.

Memandangkan peruntukan yang diterima oleh Kementerian Kerja Raya adalah terhad, pengagihan peruntukan penyenggaraan lampu isyarat serta lampu jalan adalah berdasarkan keutamaan. Bagi tahun 2020, sebanyak **RM144,813.00** telah diperuntukkan untuk Daerah Kinta bagi melaksanakan **tiga (2)** kerja penyenggaraan lampu isyarat iaitu di Persimpangan Klebang Restu Bandar Baru Kelabang dan Simpang Poi Lam, Jalan Sultan Azlan Shah, Perak; di Persimpangan Taman Taufik Jalan Sultan Nazrin Shah dan Persimpangan Sungai Rokam, Jalan Nazrin Shah, Perak; serta **satu (1)** kerja penyenggaraan lampu jalan di Jalan Nazrin Shah dari Persimpangan Gunung Rapat hingga ke persimpangan Sungai Rokam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum dan akan memastikan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) memberi perhatian yang serius terhadap perkara yang telah dibangkitkan. Anggaran kos penyenggaraan bagi kerja-kerja penyenggaraan lampu jalan di Daerah Kinta, Perak pada tahun hadapan (2021) adalah sebanyak **RM3,500,000.00**. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kerja-kerja tersebut adalah **tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan dan senarai keutamaan**

daripada pihak Jabatan Kerja Raya.

Sekian, terima kasih.